

10 JAN 1999
MTUC-Kabinet
ROMBAKAN KABINET RANSANG EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyambut baik rombakan kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas dan berpendapat langkah itu dapat meransangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata rombakan berkenaan akan dapat meyakinkan rakyat tempatan dan pelabur-pelabur luar untuk menanam modal dalam negara ini.

"Ini secara tidak langsung membolehkan ekonomi negara berkembang pesat," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Zainal berkata MTUC turut menyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Katanya kesatuan yakin akan kemampuan Abdullah yang matang daripada segi umur dan pengalaman dalam menerajui negara.

"Abdullah akan dapat menolong Perdana Menteri mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada kerajaan," katanya.

Menurut beliau Abdullah juga mempunyai tugas berat untuk memulihkan semula imej pasukan polis ke tahap yang dikehendaki rakyat iaitu sebagai pasukan yang memberi perlindungan kepada orang ramai dan negara.

Zainal turut menyambut baik pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan Pertama dan menyifatkan beliau sebagai seorang berpengalaman dalam perancangan ekonomi dan kewangan. Tun Daim dikekalkan sebagai Menteri Tugas-tugas Khas.

MTUC berharap Tun Daim dapat membuat perancangan ekonomi dan belanjawan negara yang memenuhi aspirasi rakyat dan mengambil kira kepentingan semua pihak, katanya.

Beliau berkata MTUC turut berharap pelantikan baru dan rombakan itu akan mempererat lagi perhubungan antara pergerakan kesatuan sekerja dan kerajaan, terutama bagi menjaga kepentingan rakyat berpendapatan rendah.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata pelantikan anggota kabinet baru itu akan mengurangkan beban yang kini ditanggung Perdana Menteri.

Wan Mokhtar berkata pelantikan Datuk Abdullah Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan akan membolehkan Dr Mahathir menumpukan kepada soal pemulihan ekonomi terutama kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Kita lihat bagaimana kesan daripada kesungguhan Perdana Menteri memulihkan ekonomi sehingga keadaan berbeza jauh daripada September 1997," kata beliau kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa dengan para peniaga Pasar Payang di Surau Seri Amar di sini petang semalam.

Kelab Senator Malaysia (KSM) turut menyambut baik rombakan itu dan Setiausaha Agungnya Senator Rosli Mat Hassan berkata KSM berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana dapat memilih dan menyusun barisan kabinet yang meyakinkan.

Katanya pemilihan Abdullah yang dikenali di peringkat politik dan perhubungan antarabangsa serta seorang pemimpin jati Umno yang telah melalui pelbagai proses jatuh bangun, mampu membersihkan imej negatif yang dimainkan pemimpin dan media barat serta meredakan ketegangan politik dalam negara.

-- BERNAMA
NY SBJ RON